

Dr Zaliha terima Anugerah Alumni Tersohor UKM

Oleh [Ercy Gracella Ajos](#) - Oktober 5, 2023 @ 1:06pm
bhnews@bh.com.my



Dr Zaliha Mustafa

KUALA LUMPUR: Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa menerima Anugerah Alumni Tersohor 2023 daripada Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), hari ini.

Pengiktirafan itu bagi meraikan kejayaan dan pencapaian Dr Zaliha khususnya di Kementerian Kesihatan (KKM) selepas menjadi wanita pertama dilantik menerajui kementerian itu berkuat kuasa 3 Disember 2022.

Dr Zaliha yang juga penuntut Fakulti Perubatan UKM sekitar 1983 hingga 1989 menzahirkan rasa syukur dan terharu dengan penganugerahan terbabit.

Katanya, beliau amat berbangga kerana berpeluang menuntut ilmu dan membina pengalaman di Fakulti Perubatan UKM.

"Sesungguhnya, penganugerahan Alumni Tersohor dari Fakulti Perubatan UKM hari ini adalah satu penghargaan yang cukup bermakna bukan sahaja kepada saya dan keluarga saya bahkan juga saya harap kepada keluarga besar Alumni UKM," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penganugerahan Alumni Tersohor Fakulti Perubatan, UKM di sini hari ini.

Penganugerahan Alumni Tersohor itu disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Prof Emeritus Datuk Dr Mohamad Abd Razak.

Yang turut hadir, Pro Naib Canselor UKM (Kampus Kuala Lumpur), Prof Datuk Dr Hanafiah Harunarashid dan Dekan Fakulti Perubatan UKM, Prof Dr Abdul Halim Abdul Gafor.

Dilahirkan pada 28 Jun 1964, anak kelahiran Johor itu memulakan pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultan Ibrahim (G) School sebelum meneruskan pengajian di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kota Bharu.

Pada 1981, beliau memulakan pengajian di Matrikulasi MRSM, Seremban dan meneruskan pengajian di Fakulti Perubatan UKM serta memperoleh Ijazah Doktor Perubatan pada 1989.

Pada majlis itu, Dr Zaliha menyampaikan syarahan "Reformasi Sistem Kesihatan yang Kalis Masa Hadapan" yang menyentuh pelbagai isu kesihatan masyarakat di negara ini dalam mendepani cabaran masa hadapan.

Katanya, sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia berjaya meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan menunjukkan prestasi sistem penjagaan kesihatan yang baik berbanding banyak negara berpendapatan sederhana yang lain.

"Namun, sejak 20 tahun kebelakangan ini, tahap kesihatan rakyat Malaysia semakin menurun.

"Dengan peredaran masa serta perubahan sosioekonomi, demografi dan gaya hidup rakyat, terdapat keperluan untuk menambah baik dan memperkukuhkan sistem kesihatan negara agar kalis dengan perubahan yang berlaku," katanya.

Pada majlis itu juga, beliau merasmikan ruang Alumni Tersohor yang terletak di Bangunan Prakilinikal di sini.